


Focus Dynamics, Saudee buka kiosk burger robotik



Oleh **Mohd Zaky Zainuddin** - Oktober 30, 2020 @ 5:03pm
zaky@bh.com.my



Ibu pejabat Focus Dynamics di Petaling Jaya.

PETALING JAYA: Focus Dynamics Group Bhd (Focus) dijangka membuka kiosk burger menggunakan khidmat robot awal tahun depan, sekali gus menjadi perkhidmatan pertama seumpamanya di Malaysia.

Perkhidmatan kiosk burger robotik yang turut menjadi inisiatif sulung Focus Dynamics dalam operasi makanan dan minuman (F&B) itu akan diperkenalkan menerusi kerjasamanya dengan Saudee Group Bhd (Saudee).

Kedua-dua syarikat hari ini memeterai perjanjian induk bagi mewujudkan kiosk burger robotik pertama di Malaysia.

Pengarah Eksekutif Focus Dynamics, Benson Tay Ben Seng, berkata robotik adalah generasi inovasi seterusnya yang bakal menerajui industri F&B dengan khidmat robot sudah digunakan di seluruh dunia termasuk di bar, restoran dan rantaian bekalan.

Katanya, penggunaan robot akan dapat meningkatkan kecekapan, mengurangkan risiko kecurian dan menjadi faktor inovatif dalam melayan pelanggan.

"Dengan pandemik COVID-19 menjadi isu global ketika ini, aspek penjarakan sosial dan meminimumkan kontak telah membawa kepada penerapan robotik dalam industri F&B dalam tempoh beberapa tahun akan datang," katanya dalam satu kenyataan.

Ben Seng berkata, Focus Dynamics bercadang terus meneroka inovasi dan teknologi baharu bagi langkah transformasi perkhidmatan F&B tradisional.

"Kerjasama dengan Saudee dilihat sebagai cara mempercepatkan cadangan syarikat menjadi penggerak perintis dalam trend robotik F&B," katanya.

Saudee adalah pengeluar makanan berbungkus terkemuka menerusi jenama premium Saudee Gold dengan rangkaian produk halal termasuk sosej berkualiti tinggi, roti burger dan nugget.

Kerjasama itu menyaksikan Focus Dynamics akan berkongsi kepakarannya untuk membangunkan operasi robotik automatik dan lancar dengan interaksi minimum manusia.

Sementara itu, Saudee menyediakan proses pembangunan dan penyelidikan (R&D) untuk menghasilkan makanan yang berbungkus dan sesuai dengan aspek robotik.

Pengarah Eksekutif Saudee, Mak Siew Wei, pula berkata operasi robotik F&B memerlukan kajian dalam penyediaan pembungkusan dan kualiti daging mentah bagi memberikan komposisi tepat yang diperlukan supaya robot dapat menghasilkan makanan berkualiti.

"Bagi mewujudkan kiosk burger robotik pertama, Saudee dan Focus Dynamics merancang mewujudkan kiosk dan trak makanan sebagai model yang akan memaparkan teknologi sekali gus untuk membina kesedaran mengenai aspek robotik," katanya.

Awal bulan ini, Focus Dynamics mengambilah 12.19 peratus kepentingan dalam Brahims Holdings Bhd, selaras dengan strateginya untuk meningkatkan aset dalam perniagaan F&B.